

MAJLIS SAMBUTAN WARNA WARNI AIDILFITRI BAKAT UDARA 2017

airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2142-majlis-sambutan-warna-warni-aidilfitri-bakat-udara-2017

KUALA LUMPUR, 25 Jul 17 – Jemaah Tertinggi BAKAT Udara telah mengadakan Majlis Sambutan Warna Warni Aidilfitri BAKAT Udara bertempat di Mes Wira Angkasa, Pangkalan Udara Kuala Lumpur. Majlis dihadiri oleh Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT Udara, YAM Tengku Puteri Seri Teja Pahang Hjh Tengku Muhaini bte Sultan Hj Ahmad Shah dan Timbalannya, Datin Sri Norainy binti Shahar Alam serta ahli-ahli BAKAT Udara yang lain.

Di majlis ini juga turut diadakan Majlis Perpisahan bagi meraikan Mantan Ahli Jemaah Tertinggi yang telah bersara iaitu Datin Sri Dasimah bt Bongsu, Datin Mayween bt Zain, Datin Kalsom binti Abd Raof, Datin Sabariah bt Zainol Abidin, Datin Zuraidah binti Zakaria dan Datin Fauziah bt Gulam Haider. Majlis ini diadakan bagi menghargai jasa serta sumbangan bakti yang telah ditaburkan oleh mereka yang diraikan di sepanjang perkhidmatan di dalam BAKAT Udara khususnya. Jasamu dikenang.



